

5 tawaran untuk rakyat Kedah jika PH, BN menang pada PRN akan datang

Oleh **Noorazura Abdul Rahman**
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Membantu pelajar tahfiz menguasai bidang pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) serta terus memperkukuhkan ilmu al-Quran, antara dua daripada lima perkara yang akan diberi keutamaan oleh Kerajaan Perpaduan untuk rakyat Kedah.

Tawaran itu jika Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) diberi mandat untuk mentadbir Kedah pada Pilihan Raya Negeri (PRN) akan datang, juga mengandungi tiga perkara lain.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamid, berkata Kerajaan Perpaduan akan turut memberi tumpuan kepada perniagaan agro, isu bekalan air serta naik taraf kemudahan telekomunikasi bagi meningkatkan ekonomi dan keupayaan modal insan rakyat Kedah.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata, Kerajaan Persekutuan berazam membantu pelajar maahad tahfiz di Kedah menguasai TVET, selain terus memperkukuh ilmu al-Quran dan pada masa sama, tidak akan meminggirkan sekolah Cina dan sekolah-sekolah lain.

“Kewajaran untuk membantu maahad tahfiz bukan hanya soal pembelajaran atau al-Quran, tetapi menyalurkan mereka (pelajar) untuk berada di tingkat lebih tinggi.

“Maka Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan juga universiti lain di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah komited untuk menyalurkan supaya mereka bukan sahaja dapat diploma, tetapi juga ijazah hingga ke peringkat PhD (doktor falsafah),” katanya.

Nasional 6